

Pengendali perkhidmatan dijangka bergabung

Penggabungan dalam industri e-dompot akan berlaku memandangkan terlalu banyak pengendali ketika ini, kata Penganalisis Kanan Perbankan MIDF Research, Imran Yassin Yusof.

Bagaimanapun, katanya, pengeluaran lesen pengendali perkhidmatan e-dompot tidak perlu dihadkan dan kawalan sedia ada daripada Bank Negara Malaysia (BNM) adalah mencukupi.

“Kami berpendapat bahawa tidak perlu ada kawalan jumlah lesen diberikan. Keberkesanan

penyedia e-dompot untuk mendapatkan pengguna perlu berdasarkan persaingan produk dan ini akan meningkatkan tahap perkhidmatan yang disediakan.

“Ia termasuklah mempunyai rangkaian peniaga yang meluas dan ini perkara yang positif untuk pengguna. Kami juga berpendapat bahawa pendekatan kerajaan dengan e-tunai rakyat adalah satu langkah untuk meluaskan lagi penggunaan e-dompot, termasuk kepada pengguna luar bandar.

“Dengan penggunaan lebih banyak, rangkaian peniaga boleh diperkembangkan lagi dan ini akan membantu membina ekosistem lebih kondusif,” katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyatakan perkembangan perkhidmatan e-dompot di Malaysia ketika ini baik untuk persaingan pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata walaupun e-dompot masih baha-

ru dan belum mencapai tahap penggunaan yang meluas seperti di negara lain, ia perkara positif untuk persaingan.

“BNM berhak mengeluarkan seberapa banyak lesen e-dompot kepada peserta industri di Malaysia. Secara dasarnya, pasaran akan menentukan sendiri kecekapan peserta industri.

“Peserta industri yang tidak cekap lambat laun akan keluar daripada pasaran dengan sendirinya. Kita patut memberikan pasaran e-dompot di Malaysia

masa selama beberapa tahun untuk menyesuaikan diri.

“Di China, ada banyak peserta e-dompot pada satu masa, namun selepas itu hanya pengendali yang cekap seperti AliPay dan TenPay yang kekal di pasaran,” katanya kepada *BH*.

Iskandar berkata, sekiranya ada aduan orang awam berhubung dakwaan wujudnya perbuatan antipersaingan, MyCC boleh menyasiat syarikat terbabit di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).